


Sri Pahang tagih pengalaman tiga import baharu

Oleh [Asrol Awang](#) - Jun 18, 2022 @ 10:07pm

bhsukan@bh.com.my



Pemain import baharu Sri Pahang, Kevin Ingreso dari Filipina. Beliau adalah seorang daripada tiga import baharu skuad Tok Gajah bagi perpindahan kedua musim ini. - Foto ihsan FB Sri Pahang FC.

KUANTAN: Kehadiran empat pemain baharu termasuk tiga import pada jendela perpindahan kedua saingan Liga Malaysia (Liga M) musim ini diyakini memperkasakan Sri Pahang FC.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kelab Bolasepak Sri Pahang, Datuk Mohammed Suffian Awang berkata, perubahan yang dilakukan kelab itu diharap memberi impak positif dalam membentuk pasukan lebih mantap.

"Dengan prestasi kurang memuaskan sebelum ini, perubahan yang dilakukan dengan kemasukan empat pemain baharu iaitu tiga import dan seorang pemain tempatan diharap akan membantu.

"Dari segi kelab, kami mahu semua pemain dapat membentuk persefahaman dan kerjasama lebih cepat dalam memperkasakan pasukan. Dengan pengalaman yang dimiliki, mereka diharap dapat menterjemahkan dengan gaya persembahan terbaik mereka.

"Pada masa sama, masalah ketumpulan bahagian serangan serta pertahanan diharap dapat diatasi," katanya.

Semalam, kelab berkenaan mengumumkan kemasukan empat pemain baharu termasuk tiga import pada jendela perpindahan kedua.

Mereka ialah Steven Rodriguez, 24, dari Colombia, Kevin Ingreso, 29, (Filipina) dan Sherzod Fayziev, 30, (Uzbekistan) serta pemain tempatan, Mior Dani Armin Mior Ariffin, 23.

Tiga import baharu itu menggantikan Mahmoud Za'tara dari Jordan, Billy Ketkeophompone (Laos) dan Johan Martial (Perancis).

Sri Pahang turut mengumumkan kemasukan Mior Dani Armin untuk memperkuat skuad itu.

Pemain kelahiran Selangor itu menyertai Sri Pahang secara pinjaman dari Kelantan FC sehingga akhir musim ini.

Dalam perkembangan sama, Mohammed Suffian mengesahkan empat pemain berkenaan turut bersama skuad itu untuk perlawanan berdepan Sabah FC di Stadium Likas, malam ini.

"Memang mereka dibawa ke Kota Kinabalu pada perlawanan malam ini dan segala keputusan dalam pemilihan selaku pemain utama diputuskan ketua jurulatih (Christophe Gamel)," katanya